

# Vaksin penyembuh kanser tahap 4

BH  
13/6/2015  
mls 6

» *HITV dikatakan mampu merawat semua jenis barah kecuali leukemia*

Oleh Rashiqah Ilmi  
Abd Rahim  
rasyiqah@bh.com.my

**P**esakit kanser di negara ini kini mempunyai sinar harapan baharu menerusi penemuan Vaksin Terapeutik Cetusan Manusia (HITV) yang dihasilkan HITV Laboratory Sdn Bhd di Jepun.

Vaksin yang dikatakan mampu merawat semua jenis kanser tahap lewat, kecuali leukemia yang hanya didapati di Jepun sebelum ini, mampu memusnahkan sarang sel mikroskop dan kecil, sekali gus mencegah sebarang serangan kanser berulang.

HITV yang ditemui di Jepun sejak 10 tahun yang lalu adalah imunoterapi yang menghasilkan sel aktif pesakit sendiri bagi pesakit tahap lewat kanser.

Ia berdasarkan imuno-



logi yang dihasilkan secara semula jadi oleh sistem imunisasi manusia dan kemampuan mudah suai bagi memerangi penyakit.

### Buru sel kanser

Pengasas HITV, Dr Keneichiro Hasumi, berkata terapi itu bersama kombinasi radioterapi amat berkesan bagi pesakit yang menderita kanser tahap lewat.

“Penggunaan Tomotherapy (sejenis terapi radiasi) adalah penting dalam protokol ini. Ia boleh menyasar dengan tepat ketumbuhan kanser dalam satu sapuan dan mengurangkan pendedahan radiasi kepada tisu di sekitarnya,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Yayasan Penyelidikan Antarabangsa Hasumi di Amerika Syarikat, berkata rawatan itu mengambil masa kira-kira 10 hari hingga tiga minggu yang mana selepas rawatan itu, pesakit akan diperiksa dengan imbasan PET-CT secara berskala bagi memantau kanser.

Rawatan ini membatik suntikan sel dendrit pesakit sendiri, yang berperanan mengenal pasti ‘musuh’ secara langsung dalam ketumbuhan kanser,



digabungkan dengan radioterapi modulasi kekuatan berpandukan imej atau secara kombinasi dengan kemoterapi ringan.

“Proses pemvaksin ini memecahkan benteng pertahanan kalis yang dicapai sel kanser yang mana ia mampu mengelak daripada dikesan oleh sel imunisasi pesakit.

“Antibodi yang dihasilkan oleh proses pemvaksin ini dapat memburu sel kanser yang ‘menyorok’ di mana saja pada bahagian badan pesakit,” katanya dalam satu kenyataan.

### Berjaya lambatkan serangan

Mengenai kejayaan rawatan

“ANTIBODI YANG DIHASILKAN OLEH PROSES PEMVAKSINAN INI DAPAT MEMBURU SEL KANSER YANG ‘MENYOROK’ DI MANA SAJA PADA BAHAGIAN BADAN PESAKIT”

**Dr Keneichiro Hasumi,**  
Pengasas HITV

itu, Dr Hasumi berkata, protokol HITV sudah berjaya mencapai tahap melambatkan serangan sehingga 80 peratus dalam kalangan pesakit kanser peringkat 4, jika mereka mempunyai kurang daripada 10 ketumbuhan metastatik dan setiap ketumbuhan itu lebih kecil daripada lima sentimeter (sm).

“Kadar kejayaannya pula adalah lebih tinggi bagi pesakit kanser tahap 1,2 dan 3,” katanya yang merancang untuk menubuhkan Pusat Kanser Imunoterapi Hasumi pertama di luar Jepun iaitu di Kuala Lumpur.

Pusat itu dijangka menawarkan terapi serba canggih

kepada pesakit kanser, terutama penghidap yang gagal dirawat dengan semua rawatan lazim untuk penyakit berkenaan.

“Kami tidak berniat untuk bersaing, tetapi berharap dapat bergabung dengan semua terapi sedia ada dalam mencari pendekatan terbaik yang boleh dimanfaatkan semua pesakit kanser,” katanya.

HITV Laboratory ialah sebahagian daripada Hasumi International Pte Ltd Group. Organisasi ini terbabit dalam penyediaan perubatan bioteknologi berasaskan sel dengan tumpuan khusus ke atas Imunoterapi Berasaskan Sel Dendrit untuk kanser.

